

KERATAN AKHBAR

JUDUL : SWA TV

TARIKH : 29 Mac 2022 (Selasa)

PNEBUSAN BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA 2022 BERI MANFAAT KEPADA 190,000 ORANG PENERIMA

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Majlis Penyerahan
**BAUCAR
BUKU**

*Semarak
Membaca*
2022

29 MAC 2022 (Selasa)
11:00 Pagi - 12:30 Tengah Hari

Aras 10, Menara PNM,
Perpustakaan Negara Malaysia

#semarakmembaca
#baucarbuku

DIRASMIKAN OLEH
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Dengan kerjasama

Disokong oleh

MABOPA
Malaysian Book Publishers Association

MBSA
Malaysian Book Sellers Association

www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Island
pnm_island
pnm_tv
PNMIsland
pnm_island

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) telah melancarkan Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca 2022.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Perlancongan, Seni dan Budaya di Perpustakaan Negara Malaysia.

Program yang turut mendapat sokongan daripada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA), Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Shopee ini merupakan sebuah usaha untuk membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan ilmiah dalam masa yang sam turut menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan semula industry perbukuan negara yang terkesan akibat pandemik Covid-19.



YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berucap ketika Majlis Penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2022 berlangsung di Perpustakaan Negara Malaysia hari ini

Ketika berucap, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata bahawa MOTAC telah memperuntukkan agihan baucar bernilai RM10.00 setiap satu yang akan diedarkan kepada 71 buah kedai buku terpilih.

371 buah kedai buku yang terlibat dalam inisiatif ini terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu 170 kedai buku fizikal, 1 kedai buku dalam talian menerusi E-sentral Ebook Portal dan 200 kedai buku e-dagang menerusi aplikasi Shopee.

Seramai 190,000 orang penerima bakal mendapat manfaat tersebut dan layak untuk menebus atau menikmati potongan diskaun dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20.00 dan ke atas dalam satu resit pembelian.



Penyerahan mock-up Baucar Buku Semarak Membaca 2022 berjumlah RM1.9 juta

“Saya berharap program pemberian baucar ini dapat mencetuskan perkembangan positif dalam meningkatkan aktiviti perbukuan di kawasan masing-masing dan dapat memulihkan serta merencanakan semula ekosistem seni, budaya dan warisan yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19,” kata beliau.

Orang ramai boleh mula menebus Baucar Buku Semarak Membaca 2022 bermula 1 April hingga 31 Ogos 2022 dan senarai kedai buku yang terlibat boleh dirujuk di laman sesawang www.semarakmembaca.com.

Penerima baucar buku bukan sahaja mendapat potongan diskaun, mereka juga akan diaftarkan sebagai ahli u-Pustaka secara automatik di mana mereka boleh mengakses bahan bacaan digital secara percuma pada bila-bila masa sahaja.

MOTAC turut berharap agar inisiatif ini mampu menggalakkan Keluarga Malaysia dalam membudayakan amalan membaca dan mencetuskan perkembangan positif dalam aktiviti perbukuan di kawasan setempat.

SUMBER FOTO: LAMAN FACEBOOK RASMI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) DAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)

